

Statistik menunjukkan kes keganasan domestik semakin meningkat setiap tahun

14 kes jenayah rumah tangga sehari

Oleh FARHANA HANIM MOHD. MYDIN

Kosmo
11/3/16 mls 3

Lelaki Pakistan hilang kemuluan selepas isteri tidak tahan tabiat seks ganasnya Isteri nekad kerat alat sulit suami



KERATAN Kosmo! 21 Januari 2016.

461 kes keganasan dicatatkan dengan 116 kes melibatkan mangsa daripada golongan lelaki.

“Daripada jumlah itu, sebanyak 151 kes dituduh dan 13 kes telah dijatuhkan hukuman dan ada juga kes keganasan tersebut yang membawa kepada kes kematian,” katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Pada 2014, sebanyak 4,807 kes keganasan rumah tangga telah disiasat dan daripada jumlah itu 30 peratus kes telah dituduh di mahkamah dan 24 peratus telah dijatuhkan hukuman.

Masir menjawab soalan lisan V. Sivakumar (DAP-Batu Gajah) dan soalan tamba-

INFO Statistik kes keganasan rumah tangga

- 2010 - 3,173 kes
- 2011 - 3,277 kes
- 2012 - 3,488 kes
- 2013 - 4,123 kes
- 2014 - 4,807 kes
- 2015 - 5,014 kes

han Dr. Noor Azmi Ghazali (BN-Bagan Serai) berkaitan jumlah kes jenayah rumah tangga serta jumlah kes yang dituduh di mahkamah dan yang telah diambil tindakan.

Dalam pada itu, Pakar Psikologi dan

Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Madya Mariani Mohd. Nor berkata, kegagalan mengawal emosi menyebabkan banyak pasangan yang sudah berkahwin kini semakin berani untuk bertindak agresif dan ekstrem terhadap pasangan mereka semasa bergaduh.

“Antara faktor yang mempengaruhi peningkatan kes keganasan rumah tangga termasuklah persekitaran, kewangan, hubungan orang ketiga dan pengaruh media sosial,” katanya kepada Kosmo! semalam.

Menurut Mariani, pengaruh perilaku ganas yang kerap tersiar di media termasuk laman sosial turut dikesan memberi pengaruh.



PENINGKATAN kes jenayah rumah tangga sejak lima tahun lalu semakin membimbangkan. – Gambar hiasan

KUALA LUMPUR – Sebanyak 14 kes jenayah keganasan rumah tangga melibatkan suami dan isteri berlaku di negara ini dalam sehari pada tahun lalu dengan beberapa kejadian berakhir penuh tragis kerana melibatkan kematian.



MASIR

Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Masir Kujat ketika mendedahkan statistik tersebut di Dewan Rakyat di sini semalam berkata, jumlah kes jenayah rumah tangga atau keganasan domestik mencatatkan pertambahan sebanyak 207 kes pada tahun lalu iaitu 5,014 kes berbanding 4,807 kes pada tahun 2014.

Katanya, daripada jumlah itu, pada tahun 2015 sebanyak 1,404 kes iaitu 28 peratus telah dituduh dan 10 peratus iaitu 145 kes dijatuhkan hukuman.

“Sehingga Januari tahun ini, sebanyak